



## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT (“Terma & Syarat”) KEMPEN “PROMOSI HARI RAYA” (“Kempen”) UNTUK PELANGGAN INDIVIDU DAN PELANGGAN BUKAN INDIVIDU.

### 1. Tempoh Promosi

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari 31 Mei 2016 sehingga 31 Ogos 2016 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 KFH Malaysia (“Bank”) berhak secara mutlaknya untuk meminda atau mengubah Tempoh Kempen pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu.

### 2. Kelayakan dan Penyertaan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan-pelanggan baru dan sedia ada KFH Malaysia seperti berikut :
  - a. Pelanggan individu warganegara Malaysia, bermastautin dan tidak bermastautin di Malaysia (“Individu”);
  - b. Pelanggan bukan individu termasuk Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Pertubuhan Amal / Organisasi bukan bersifat keuntungan, Perusahaan jenis kecil dan sederhana SMEs yang terdiri daripada entiti yang mempunyai jumlah perolehan tahunan di bawah RM50juta, dengan jumlah pekerja sepenuh masa di bawah dua ratus (200) orang (“Bukan Individu”); atau
  - c. Kakitangan Kumpulan Kuwait Finance House, termasuk pangarah-pangarah, pekerja kontrak dan ahli keluarga terdekat (“Pekerja”).

Individu, Bukan Individu dan Pekerja semua sekali secara kolektifnya dikenali sebagai (“Peserta”).

- 2.2 Peserta Individu baru dan sedia ada dan/atau Pekerja yang memilih untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dikehendaki membuka DAN mengekalkan produk-produk berikut sepanjang Tempoh Kempen:
  - a. Akaun Simpanan-i KFH SURE (“SURE SA”) ; DAN
  - b. KFH Kad Debit-i (“Kad Debit-i”)
- 2.3 Peserta Bukan Individu baru dan sedia ada yang memilih untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dikehendaki membuka DAN mengekalkan Akaun Semasa-i KFH SURE (“SURE CA”) sepanjang Tempoh Kempen.

*Kriteria untuk menerima ganjaran yang ditawarkan dibawah Kempen ini tercatat di fasal 3 dan 4.*

- 2.4 Penyertaan terdahulu dan pendaftaran untuk penyertaan Kempen ini tidak diperlukan.



### 3. Hadiah Untuk Pembukaan Akaun

- 3.1 Pelanggan Individu dan Bukan Individu layak untuk menerima satu (1) set bekas makanan dengan pembukaan SURE SA atau SURE CASA di bawah Kempen ini. (**“Hadiah Premium”**).
- 3.2 Peserta yang memenuhi syarat permulaan deposit (**“Deposit Permulaan”**) sepanjang Tempoh Kempen ini layak menerima Hadiah Premium:
- a. Buka SURE SA dengan Deposit Permulaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sepanjang Tempoh Kempen; ATAU
  - b. Buka SURE CA dengan Deposit Permulaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000.00) sepanjang Tempoh Kempen.
- 3.3 Sebanyak dua ratus lima puluh (250) unit Hadiah akan dihadiahkan kepada Peserta yang layak sepanjang Tempoh Kempen berdasarkan basis peserta terawal layak menerima dan tertakluk kepada jumlah had stok.
- 3.4 Hadiah Premium adalah terhad kepada satu (1) unit setiap peserta, tidak kira bilangan atau nilai jumlah akaun dan deposit dengan Bank.
- 3.5 Pemberitahuan kepada Peserta akan dibuat jika Hadiah Premium kehabisan stok, melalui laman web KFH Malaysia di [kfh.com.my](http://kfh.com.my) atau dengan apa cara yang dianggap praktikal oleh KFH Malaysia.
- 3.6 Jika terdapat penyertaan yang sama i.e di mana dua (2) peserta berada pada kedudukan 250 dan 251 pada tarikh yang sama dan masa yang sama, Peserta yang membuka SURE SA / SURE CA yang terawal akan layak menerima Hadiah Premium.
- 3.7 Tarikh penyerahan Hadiah Premium akan dibuat dalam dua (2) peringkat seperti berikut :

Peringkat	SURE SA / SURE CA Tarikh Dibuka	Tarikh Penyerahan
Peringkat 1	31 Mei 2016 hingga 15 Julai 2016	31 Ogos 2016
Peringkat 2	16 Julai 2016 hingga 31 Ogos 2016	30 September 2016

- 3.8 Untuk mengelakkan keraguan, Peserta tidak layak menerima Hadiah Premium jika Deposit Permulaan tidak dikekalkan didalam akaun SURE SA / SURE CA pada tarikh penyerahan seperti di fasal 3.7, atau SURE SA / SURE CA ditutup atas apa jua sebab.
- 3.9 Peserta yang menerima Hadiah Premium juga layak untuk memenangi hadiah-hadiah lain yang turut ditawarkan dalam Kempen ini, sekiranya kelayakan yang ditetapkan dalam fasal 4.2 dipenuhi.
- 3.10 KFH Malaysia berhak menukar atau menggantikan Hadiah Premium dengan item lain atau item yang sama nilai, jika didapati ia kehabisan stok atau diberhentikan oleh pihak pembekal / peruncit.



**4. Peraduan Menang TV HD 40” dan baucar tunai bernilai RM500 (“Peraduan”)**

- 4.1 Selain daripada Hadiah Premium, Kempen ini menawarkan dua puluh (20) unit TV HD 40” (**“Hadiah Utama”**) dan tujuh (7) unit baucar tunai Senheng bernilai RM500.00 setiap satu (**“Hadiah Saguhati”**).

*Rujukan kepada “Hadiah Utama” dan “Hadiah Saguhati” semua sekali secara kolektifnya akan dikenali sebagai **“Hadiah Peraduan”**.*

- 4.2 Peserta yang memenuhi salah SATU (1) syarat minimum di bawah dalam Tempoh Kempen, akan layak memenangi Hadiah Peraduan (**“Kriteria Yang Ditetapkan”**):

<b>Produk</b>	<b>Deposit Permulaan Untuk Hadiah Peraduan</b>	<b>Kriteria Yang Ditetapkan Untuk Hadiah Peraduan</b>
SURE SA	RM5,000.00	Kekalkan deposit minimum dengan baki purata sebanyak RM15,000 dan ke atas, selama minimum enam puluh (60) hari berturut-turut mengikut hari kalendar dari tarikh akaun dibuka sepanjang Tempoh Kempen.
SURE CA	RM25,000.00	Kekalkan deposit minimum dengan baki purata sebanyak RM50,000 dan ke atas, selama minimum enam puluh (60) hari berturut-turut mengikut hari kalendar dari tarikh akaun dibuka sepanjang Tempoh Kempen.
KAD DEBIT	Tidak Berkaitan	Berbelanja dengan jumlah minimum RM4,500 di kedai-kedai (domestik dan / atau antarabangsa) sepanjang Tempoh Kempen.

- 4.3 Untuk mengelakkan keraguan, Peserta tidak akan layak menerima Hadiah Peraduan jika Kriteria Yang Ditetapkan untuk akaun SURE SA / SURE CA tidak dikekalkan pada tarikh penyerahan, atau SURE SA / SURE CA / Kad Debit-i ditutup atas apa jua sebab.
- 4.4 Tertakluk kepada mematuhi Kriteria Yang Ditetapkan, dua puluh tujuh (27) Peserta akan disenarai pendekkan dan dipilih secara rawak oleh jawatankuasa pemilihan pemenang Bank (**“Pemenang Senarai Pendek”**) untuk menjawab satu soalan cabaran, sebelum diisytiharkan sebagai salah satu pemenang peraduan (**“Pemenang Peraduan”**).
- 4.5 Pemenang Senarai Pendek akan dihubungi oleh pihak Bank atas dasar usaha terbaik dengan menggunakan nombor telefon terkini yang diberi kepada Bank semasa pembukaan SURE SA / SURE CA. Pemenang Senarai Pendek akan dihubungi sebanyak tiga (3) kali dalam masa dua (2) hari yang berlainan dari hari Isnin hingga Jumaat antara pukul 10 pagi sehingga 6 petang.
- 4.6 Tarikh penyerahan Hadiah Peraduan adalah seperti dibawah :

<b>Tempoh Kempen</b>	<b>Tarikh Penyerahan</b>
31 Mei 2016 hingga 31 Ogos 2016	30 September 2016



- 4.7 Setelah menjawab soalan cabaran dengan betul, Pemenang Senarai Pendek akan terus dimaklumkan samada beliau adalah salah satu Pemenang Peraduan.
- 4.8 Senarai Pemenang Peraduan akan dipaparkan didalam laman web Bank di [kfh.com.my](http://kfh.com.my) atau dalam apa kaedah yang dianggap praktikal oleh Bank pada akhir Tempoh Kempen.
- 4.9 Pemenang Peraduan adalah terhad kepada satu (1) Hadiah Peraduan. Tiada Hadiah Peraduan tambahan akan dihadaiahkan kepada transaksi yang melebihi kriteria minimum yang ditetapkan.
- 4.10 Jawatankuasa pemilihan pemenang Bank mempunyai hak mutlak untuk memilih pengganti Pemenang Senarai Pendek yang telah terlepas peluang memenangi, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senario-senario berikut:
- a. Pemenang senarai pendek yang masih tidak dapat dihubungi;
  - b. Pemenang senarai pendek yang gagal menjawab soalan cabaran dengan betul;
  - c. Pemenang senarai pendek yang telah melantik pihak lain untuk menjawab soalan cabaran bagi pihak mereka;
  - d. Pemenang senarai pendek secara sukarela melucuthakkan hadiah peraduan beliau; atau
  - e. Penyerahan / penghantaran kurier yang tidak berjaya atas sebab alamat Pemenang Peraduan tidak sama seperti dalam rekod Bank.
- 4.11 Semua keputusan oleh jawatankuasa pemilihan pemenang Bank disifatkan sebagai muktamad dan konklusif dan sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.

## 5. Penebusan Hadiah

- 5.1 Semua Pemenang Peraduan akan dimaklumkan mengenai Hadiah Peraduan mereka secara formal melalui surat. Sebarang pertikaian atau aduan berkaitan Hadiah Peraduan hendaklah diselesaikan dengan pembekal/peruncit secara langsung.
- 5.2 Untuk menuntut Hadiah Peraduan, Pemenang Peraduan hendaklah mengemukakan kad pengenalan dan surat pemberitahuan kemenangan untuk pengesahan di cawangan atau lokasi yang ditetapkan untuk tuntutan hadiah dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat pemberitahuan kemenangan, jika gagal, pihak Bank secara mutlaknya berhak mengenalpasti Pemenang yang lain.
- 5.3 Tiada bayaran balik akan diberikan untuk sebarang Hadiah Peraduan yang tidak dituntut, termasuk penggantian, penggantian atau pengubahsuaian Hadiah Peraduan seperti yang diminta oleh Pemenang.
- 5.4 Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tuntutan dan koleksi Hadiah Peraduan mereka di tempat-tempat penebusan yang ditetapkan oleh Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa tambahan kos / perbelanjaan berkaitan dengan tuntutan, penebusan dan / atau penyampaian Hadiah Peraduan.
- 5.5 Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang Peraduan memberi kuasa kepada Bank untuk menggunakan namanya, gambar, nombor kad pengenalan dan nombor telefon mereka bagi tujuan Kempen ini tanpa sebarang pampasan.



- 5.6 Bank mempunyai hak untuk mengubah dan/atau menarik balik Hadiah Peraduan dari mana-mana Pemenang Peraduan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak, termasuk dari mana-mana pemenang yang telah disyaki melanggar Terma dan Syarat Kempen ini, di mana pemenang diwajibkan mengembalikan Hadiah Peraduan mereka kepada Bank dengan serta-merta.

## **6. AM**

- 6.1 SURE SA dan SURE CA layak dibawah perlindungan PIDM.
- 6.2 Dengan menyertai Kempen ini, semua Peserta bersetuju dengan perkara-perkara berikut:
- a. Memberikan persetujuan kepada Bank untuk menyiarkan nama dan identiti mereka dalam mana-mana media, pengiklanan atau pemasaran bahan-bahan termasuk wawancara, pemberian hadiah atau acara publisiti lain yang diatur oleh Bank; dan
  - b. Bank mempunyai hak mutlak dan tidak terhad untuk mengubah suai, menggunakan dan / atau menerbitkan imej peserta bagi apa-apa tujuan pemasaran atau komersial tanpa apa-apa bayaran atau pampasan.
- 6.3 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini secara keseluruhannya atau sebahagiannya dan boleh menamatkan atau melanjutkan Tempoh Kempen dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu. Bank boleh memberi notis atau komunikasi tersebut kepada Pemegang Kad yang Layak melalui apa-apa cara atau kaedah yang difikirkan sesuai termasuk tanpa had melalui pos, melalui pemberitahuan dalam media massa, dengan menyiarkan notis itu di cawangan-cawangan Bank, dengan memasukkan notis itu ke dalam penyata akaun berkala, melalui penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimile, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau dengan memaparkan notis di laman web Bank atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank. Terma dan Syarat ini boleh didapati di laman web Bank di [kfh.com.my](http://kfh.com.my) dan / atau disediakan atas permintaan dari cawangan Bank atau mana-mana saluran penyampaian lain Bank.
- 6.4 Bank mempunyai hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen atas apa jua sebab, tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh Bank tidak akan memberikan hak kepada Peserta untuk menuntut atau meminta pampasan daripada Bank atau mana-mana sekutunya terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung dan hasil langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan.
- 6.5 Hadiah yang ditunjukkan dalam iklan Bank dan bahan-bahan pemasaran adalah untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak mewakili atau menggambarkan reka bentuk sebenar.
- 6.6 Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang cukai dan / atau duti perlu dibayar berkaitan dengan penyertaan beliau dalam Kempen ini, termasuk penebusan, menerima atau menggunakan Hadiah Percuma dan / atau Hadiah Peraduan.



- 6.7 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh penebusan atau penggunaan hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini.
- 6.8 Dengan undang-undang yang dibenarkan, Bank menawarkan tiada jaminan atau representasi, nyata, tersirat atau berkanun, berhubung dengan Kempen, hadiah dan perkhidmatan yang disediakan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, memperdagangkan kualiti dengan kesesuaian untuk tujuan berkenaan hadiah-hadiah kempen dan tahap penjagaan dan kemahiran dengan perkhidmatan yang berkaitan.
- 6.9 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam sebarang bahan promosi (termasuk tanpa had, risalah atau banting dicetak) atau mana-mana iklan untuk Kempen ini.
- 6.10 Keputusan yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad kepada semua Peserta. Jika ada perkara berbangkit yang tidak terkandung di dalam Terma dan Syarat ini, ia akan ditentukan oleh Bank
- 6.11 Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.
- 6.12 Terma dan Syarat tertentu yang dinyatakan di sini, adalah semua terma dan syarat yang mengawal produk Bank lain hendaklah terus terpakai.